

**Yang Di-Pertuan Agong Dijadual Hadiri Pameran The Earth Awards Exhibition
Bernama
Julai 27, 2011
Daripada Nurulhuda Che Das**

LONDON, 27 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah dijadualkan menghadiri majlis The Earth Awards Exhibition di Royal Gardens of Clarence and Lancaster House di sini, Rabu.

Majlis yang dimulakan sejak tahun 2008 lagi dengan Tuanku Mizan sebagai penaungnya itu merupakan pertandingan anugerah global yang ternama, diwujudkan khusus bagi mengenal pasti reka bentuk inovatif pelbagai kategori, khusus bagi mewujudkan masa depan yang lebih mapan.

Ia akan menjadi bahagian penting dalam pameran START yang digerakkan oleh Prince of Wales, Putera Charles, khusus bagi menggalakkan orang ramai di United Kingdom memulakan langkah ke arah kehidupan yang lebih mapan.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan dijangka meninjau majlis itu bersama dengan Putera Charles pada kira-kira pukul 6 petang (1 pagi waktu Malaysia).

Pengasas Earth Awards Datin Nicole Yap berkata pihaknya amat berbangga kerana dijemput sekali lagi oleh Putera Charles untuk mengambil bahagian dalam pameran 2011 START.

"Pada tahun 2010, The Earth Awards dijemput untuk berkongsi platform di London dengan inisiatif START Prince of Wales, yang turut merangkumi majlis penganugerahan di Marlborough House.

"Tahun lepas majlis penyampaian anugerah Earth Awards diadakan pada 16 Sept yang menyaksikan penyertaan 500 pihak dari 65 negara, di samping menarik minat beberapa institusi pendidikan tersohor seperti Yale, Harvard, Massachusetts Institute and Technology, Oxford dan Cambridge.

"Mereka diadili oleh Jawatankuasa Pemilihan, dan senarai pemenang diumumkan pada satu majlis makan malam gala yang turut dihadiri oleh Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong," katanya kepada Bernama dan RTM di sini.

Beliau berkata penyertaan tahun ini dijangka meningkat dan nama pemenang dijangka akan diumumkan pada majlis makan malam gala yang akan diadakan di sini pada Februari tahun depan.

Inovasi-inovasi ini dibahagikan kepada enam kategori yang terdiri daripada Pembinaan, Produk, Fesyen, Sistem, Keadilan Sosial dan Masa Depan," katanya lagi.

"Setiap pemenang akan menerima \$10,000 dan Pemenang Utama akan menerima sejumlah \$50,000 dalam satu majlis gala di London. Pemenang juga akan diperkenalkan kepada pelabur dalam usaha membawa idea terbaik ke dalam pasaran," katanya lagi.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).
Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=604208>